

CNS3984

R GB 06-08 00144 BA885

Bah

**Mahathir - Kelantan**

ALOR SETAR, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Dewan Undangan Negeri Kelantan perlu mempunyai pembangkang untuk menegur kerajaan negeri.

Katanya, kerajaan negeri Kelantan kini merupakan satu-satunya kerajaan negeri yang tidak mempunyai pembangkang.

+Kalau kita tidak mempunyai pembangkang maka kemungkinan kita menyeleweng adalah amat besar, + katanya kepada pemberita ketika menghadiri Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Limbungan dan Sungai Pinang. Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan 12 Ogos sebagai hari penamaan calon dan 24 Ogos hari pengundian jika ada pertandingan di kedua-dua kawasan.

Datuk Seri Dr Mahathir, berkata ketiadaan pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan itu merupakan satu keadaan yang tidak sihat. --  
. . Lagi. . .

♥06/08/15-03MST

CNS3985

R GB 06 - 08 00135 BA886

Bah

**Mahathir - Kelantan 2 Alor Setar**

Sebagai contoh, katanya, walau sebaik manapun seseorang, kalau tak ditegur lama-kelamaan dia akan melakukan perbuatan yang salah juga.

Beliau berkata, anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan yang terdiri daripada anggota Parti Semangat 46 dan PAS berada dalam ketakutan kalau-kalau mereka membuat sesuatu yang tidak disukai oleh pucuk pimpinan mereka memandangkan ini akan menyebabkan mereka boleh dikeluarkan daripada parti dan dengan itu digugurkan daripada menjadi wakil rakyat.

Keadaan itu boleh menyebabkan anggota Dewan Undangan Negeri itu tidak akan menegur kerajaan, tambah Perdana Menteri..

+Mereka akan berdiam diri terhadap apa-apa kesalahan yang dibuat oleh kerajaan kerana takut di singkir, + katanya.

Beliau berkata keadaan seperti itu tidak berlaku dalam kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri lain yang sentiasa mempunyai pembangkang. --  
Lagi. . .

♥06/08/15-04MST

CNS3986

R GB 06-08 00139 BA887

Rah

Mahathir - Kelantan 3 Alor Setar

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan tidak menolak kemungkinan Barisan Nasional menggunakan isu perlunya pembangkang di Kelantan itu sebagai satu daripada isu kempennya pada pilihan raya kecil. itu nanti.

+Kita tahu kita tidak boleh membentuk kerajaan melalui pilihan raya kecil tetapi kita anggap amat perlu sekali orang yang membangkang ada di dalam dewan negeri,+ tambah beliau

Mengenai calon RN bagi kedua-dua pilihan raya kecil, itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beberapa prinsip telah ditentukan mengenai pemilihan calon BN dan nama-nama mereka akan diumumkan kelak.

Beliau enggan mengulas lanjut tentang prinsip itu tetapi berkata bahawa ia telah dipersetujui oleh semua pihak dalam UMNO Kelantan.

Katanya, UMNO berpegang kepada prinsip keikhlasan dan tidak msmungkiri janji. -- Lagi.

♥06/08/15-05MST

CNS3990

R GB 06-08 00198 BA888

Rah

Mahathir - Kelantan 4 Alor Setar

Apabila ditanya mengenai kemungkinan Haji Wan Mohamed Najib Wan Mohamad, bekas anggota kawasan Limbongan dan Haji Nordin Salleh (Sungai Pinang) dicalonkan semula memandangkan **kemenangan mereka dengan majoriti** besarpada pilihan raya umum lepas, beliau berkata bahawa mungkin ada pangundi yang tidak menyokong mereka lagi dan pengikut PAS, umpamanya, sudah tentu tidak menyokong mereka.

Beliau tidak menolak kemungkinan RN msmpunyai peluang untuk menang tetapi menurutnya ramai rakyat Kelantan tidak begitu senang dengan UMNO.

+Suatu hari, sayayakin mereka akan mengkaji semula pendirian mereka, tetapi bagi kita, kita akan teruskan usaha kita,+ katanya.

Ketika ditanya kenapa ramai rakyat Kelantan tidak senang kepada UMNO, beliau berkata: +Saya tak tahulah...selera...dia punya selera lain.+

Mengenai strategi RN untuk pilihan raya kecil itu nanti, beliau berkata BN akan membuktikan keikhlasannya untuk membela rakyat Kelantan serta untuk menentukan pembangunan kerohanian dan kebendaan di nsgeri itu.

+Kita berpegang kepada imbangan antara dunia dan akhirat,+ tambahnya.

Beliau juga berkata bahawa pilihan raya kecil di Kelantan itu kelak akan menentukan sama ada beberapa rombakan yang dilakukan ke atas UMNO Kelantan sebelum ini berkesan atau sebaliknya. -- Bernama.

♥06/08/15-17MST